

01 APR 1998

Mahathir - ASEM

MAHATHIR MELAWAT KILANG VOLVO DI SWEDEN

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 1 April (Bernama) -- Syarikat Volvo, satu daripada pengeluar otomobil terbesar di dunia, mempunyai keyakinan penuh terhadap ekonomi negara dan akan meneruskan persiapannya untuk berkembang di Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa.

Semasa lawatan singkatnya ke kilang Volvo di Sweden untuk meninjau cara-cara baru pengeluaran kereta hari ini, Perdana Menteri berkata syarikat itu menyatakan minat penuh mereka terhadap Malaysia dan berpendapat kegawatan ekonomi sekarang adalah sementara.

Dalam persidangan berita dengan para wartawan Malaysia di Rumah Kerajaan Malaysia selepas pertemuan sejam dengan pemimpin-pemimpin Kelab UMNO United Kingdom, di sini, Dr Mahathir berkata beliau berharap dapat menerangkan mengenai keadaan ekonomi Asia Tenggara kepada negara-negara Eropah.

Beliau berada di sini untuk menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) kedua yang akan berlangsung dari 2 hingga 4 April ini.

Pada mesyuarat ini, negara-negara Asia dijangka mengeluarkan kenyataan mereka di samping kenyataan bersama yang akan dikeluarkan pada penutup persidangan.

Ketika ditanya apakan kandungan kenyataan yang akan dikeluarkan oleh negara-negara Asia, Dr Mahathir enggan menyatakannya. Mengikut sumber-sumber di sini, kenyataan itu akan menyentuh keadaan ekonomi di Asia.

Semasa di sini, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua negara Asia dan Eropah termasuk Naib Presiden Indonesia B.J.Habibie, Perdana Menteri Luxembourg Jean Claude Juncker dan Presiden Perancis Jacques Chirac.

Selain itu, Dr Mahathir juga akan melawat sebuah syarikat di Leafield, Oxford, menghadiri dialog tertutup dengan anggota-anggota Rakan Kongsi Komanwel Untuk Pengurusan Teknikal (CPTM) mengenai ekonomi Malaysia dan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian promosi barang-barang keluaran Malaysia di gedung perniagaan utama Harrods.

Sebelum berlepas pulang ke Malaysia pada 4 April, Dr Mahathir akan melawat syarikat penyelidikan Frazer-Nash, di luar London.

Selepas persidangan ASEM, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan di persidangan khas Pembinaan Rakan Kongsi Baru Asia Eropah di sini yang akan dihadiri oleh wakil-wakil daripada lebih 20 negara Asia dan Eropah.

Seramai 20 orang kapten industri Malaysia akan menghadiri persidangan sampingan itu yang berlangsung selama tiga hari.

Persidangan itu juga akan mengkaji pencapaian ASEM selain daripada membincangkan isu-isu dagang Asia-Eropah dan dunia.

Di antara yang akan membuat ucapan ialah Menteri Negara Britain untuk Hal Ewhal Luar Derek Fatchett, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Datuk Dr Munir Majid, dan Pengarah Eksekutif Yayasan Asia-Eropah di Singapura Prof Tommy Koh.

Datin Seri Dr Siti Hasmah yang mengiring Dr Mahathir pula mempunyai jadual berasingan. Beliau akan merasmikan pameran seni "Rupa Malaysia" di Galeri Brunei di School of Oriental and African Studies (SOAS) pada 2 April.

"Rupa Malaysia" akan mempamerkan hasil karya pelukis-pelukis ternama Malaysia dan dianjurkan bersama oleh Balai Seni Lukis Malaysia dan yayasan Asia Eropah. -- BERNAMA

WAH NAK